



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

3 Jun 2016 / 27 Syaaban 1437H

Ramadan: Bulan Membina Daya Tahan Kerohanian

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersyukur ke hadrat Ilahi di atas segala nikmat kurniaanNya. Mohonlah kepadaNya agar memberkati usia kita, dikurniakan kesihatan untuk kita agar dapat menjadi insan yang lebih bertakwa. Insan yang terus mampu melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala tegahan-Nya.

Saudara,

Kurang dari beberapa hari lagi kita akan menyambut kehadiran bulan Ramadan. Bulan keberkatan, ganjaran dan pengampunan. Bulan yang bertujuan menyuburkan ketakwaan kita, membangkitkan semangat ibadah serta menghidupkan

semula keimanan yang mungkin pudar setelah setahun berlalu semenjak Ramadan yang lepas. Ini sesuai dengan firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Baqarah ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى
الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa sepertimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu, supaya kamu bertakwa.”*

Saudara,

Dengan bermula Ramadan, kita juga akan memulakan ibadah yang amat istimewa padanya yang tidak diwajibkan pada bulan-bulan lain. Ia adalah ibadah berpuasa. Sedarilah bahawa saat kita memulakan ibadah puasa, sesungguhnya Allah telah meletakkan kita pada kedudukan strategik untuk meninggikan maratabat diri kita di sisiNya. Orang yang berpuasa itu sedang berada dalam keadaan yang amat dikasihi Allah s.w.t. Nabi s.a.w. pernah bersabda: *“Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa itu lebih wangi di sisi Allah pada hari kiamat nanti daripada haruman kasturi”*. [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Hadith ini mengingatkan kerana kesanggupan kita berusaha menahan diri daripada keselesaan dan kelazatan seharian kerana Allah lah maka kita amat didambakanNya.

Untuk itu juga orang yang berpuasa dijanjikan Nabi s.a.w di dalam sebuah hadithnya: *“Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa, di saat beliau berbuka, ada satu doa yang tidak akan ditolak.”* [Hadith riwayat Al-Hakim dan Al-Tabrani]. Saat-saat kita berpuasa itulah saat-saat indah kita berada dalam sanjungan Allah s.w.t. Maka pastikanlah kita tidak mensia-siakannya dengan perbuatan yang boleh menjatuhkan kedudukan atau martabat kita yang sedang tinggi dan dekat di sisiNya.

Janganlah kita ini ketika berpuasa dan dalam keadaan ingin mendapatkan syurga Allah, kita lakukan perkara yang boleh menyebabkan kita tersungkur di pintu syurgaNya. Ramai di kalangan kita yang berpuasa namun tidak memerhatikan perkara yang nampaknya remeh tetapi memberi kesan yang amat dahsyat. Sebagai contoh, kita masih lagi membiarkan diri kita mengumpat atau lebih teruk lagi, kita menyebarkan keburukan orang lain tidak kiralah di media sosial, whatsapp ataupun sebagainya. Ingatlah saudara Nabi s.a.w. pernah bersabda dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim: *“Tidak akan masuk syurga orang yang banyak mengunmpat”*. Pernah dalam hadith yang lain yang juga diriwayatkan Imam Muslim, Nabi s.a.w. bertanya: *“Tahukah kamu apa itu mengumpat?”* Nabi menjelaskan: *“Mengumpat itu adalah kamu menyebutkan sesuatu yang tidak disukai saudaramu [tentangnya]”*. Sahabat kemudian bertanya lagi:

“Sekiranya keburukan itu adalah benar [tentangnya]?”. Nabi menegaskan lagi: “Jika ia benar maka itulah umpatan dan sekiranya yang kamu sebarkan itu bukan sesuatu yang terbukti benar maka itulah kebohongan yang besar!”.

Oleh itu saudara, dengan tibanya Ramadan kali ini, basahkan lidah kita dengan zikir dan selawat. Hiasilah pandangan mata kita dengan merenung ayat-ayat suci Al-Quran yang mungkin telah kita tinggalkan sepanjang tahun sebelum ini. Pada malamnya pula, usahakanlah agar kita tidak meninggalkan solat terawih dan tahajjud. Sibukkan diri kita dengan kebaikan dan fokuskan tumpuan pada mendekatkan diri kepadanya. Ini kerana apabila perut kita sedang kosong dan badan secara fizikal tidak disibukkan dengan penghadaman makanan, minda dan jiwa kita akan dapat menumpukan perhatian lebih mudah ketika beribadah. Kita sebagai contoh dapat lebih khusyuk ketika solat. Ketika berzikir juga hati kita akan lebih mudah menjadi lembut dan menjiwai zikir yang sedang dilafazkan. Ini adalah kelebihan ketika kita berpuasa. Maka rebutlah ia.

Usaha mencari malam lailatul qadr dan pengampunan Allah s.w.t. bermula bukan hanya daripada sepuluh hari yang terakhir, ia harus bermula daripada awal Ramadan lagi. Yang kita pinta daripadanya adalah nikmat syurga yang luar biasa. Yang kita mohon daripadanya adalah keampunan yang juga luar biasa bagi segala keterlanjuran kita yang semestinya tidak

terhitung. Maka janganlah kita ini terlalu berkira dengan Allah sehinggakan kita ingin menunggu hanya sepuluh hari terakhir sebelum giat mendekatkan diri kita kepadaNya. Allah menantikan kedatangan kita saudara. Allah inginkan agar kita meminta daripadaNya agar Dia dapat memakbulkan permohonan kita yang baik. Ingatlah firmanNya dalam surah Ali Imran ayat 133-134 yang bermaksud: *“Dan segeralah kamu [merebut] keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik”*.

Saudara,

Sebelum kita melangkah masuk ke dalam bulan suci Ramadan ini, berusaha untuk melapangkan dada kita memaafkan kesilapan orang kepada kita. Mudah-mudahan berkat usaha kita memaafkan orang, Allah akan memaafkan kesilapan kita kepadaNya. Sambunglah semula hubungan kekeluargaan yang mungkin terputus di antara kita dan keluarga dengan ketibaan Ramadan ini. Perkukuhkanlah hubungan kita dengan keluarga, jiran dan teman. Mudah-mudahan berkat yang demikian Allah memperkukuhkan hubungan kita denganNya.

Saudara,

Ramadan bukan bulan bermalasan, ia adalah bulan kesungguhan. Jika kita sanggup berpenat lelah demi kehidupan dunia yang sementara, inikan pula untuk kehidupan akhirat yang kekal abadi. Allah telah sajikan pelbagai peluang mendapatkan amalan bonus dan ganjaran berlipat ganda dalam Ramadan ini maka rebutlah ia. Akhirnya kita berharap kita tidak termasuk dalam golongan mereka yang disebutkan di dalam hadith Nabi s.a.w.: *“Rugilah seseorang yang bulan Ramadan datang kepadanya kemudian pergi sebelum dia mendapat pengampunan”*. [Hadith riwayat Imam At-Tirmidzi]

Semoga Allah menyampaikan kita pada Ramadan dan menjadikan kita orang yang meraih kebaikannya, Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.